

Pilihah panel berjenama

Akibatnya Forum Kepenggarangan Muslimah Nusantara tersasar daripada matlamat

Prof Emeritus Datuk Dr Shahnon Ahmad dan Dr Kassim Ahmad.

FORUM Kepengarangan Muslimah Nusantara: Arah dan Falsafah kehilangan arah akibat pemilihan panel yang kurang tepat untuk membicarkan dasar kepengarangan serta hala tuju pengarang wanita Islam di wilayah Asia Tenggara khususnya Malaysia, Indonesia dan Singapura.

Tanpa menafikan kredibiliti dan pengalaman panel dalam dunia sastera, forum anjuran Persatuan Kesusteraan Bandingan Malaysia (PKBM) itu, gagal dimanfaatkan untuk membuka ruang perbincangan dalam menyelami realiti pengarang wanita Islam merentas sastera Nusantara.

Pemilihan panel seolah-olah lebih menjurus kepada nama dan status kesusteraan pengarang tanpa mengira kesesuaian latar dan ilmu untuk membincangkan kepengarangan wanita dalam konteks sastera Islam.

Sepatutnya pemilihan panel mewakili sastera tiga negara itu, dibuat dengan mengutamakan panel yang terjun secara langsung dalam sastera Islam sama ada sebagai pengarang, pengkritik atau sarjana.

Apatah lagi sastera Islam bukan ruang yang asing di negara ini kerana perbatan mengenainya sudah tercetus seawal polemik Sasterawan Negara (SN),

Tidak ketinggalan, senario semasa sastera tanah air turut menyaksikan kemunculan pengarang berlatar belakangkan pendidikan Islam sama ada dari institusi pengajian tinggi (IPT) tempatan atau luar negara seperti Mesir, Jordan dan Maghribi.

Di negara jiran pula, rentak sastera Islam semakin rancak dengan kemunculan kelompok pengarang muda bernafas Islam lewat Forum Lingkar Pena (FLP) yang dipandu Helvy Tiana Rosa hingga berjaya menumbuhkan kelompok kecil penulis muda Indonesia di luar negara termasuk Mesir yang melahirkan novelis *Ayatayat Cinta*, Habiburrahman el-Shirazy.

Hal ini dibuktikan apabila SN Datuk (Dr) A Samad Said, awal-awal lagi dalam forum itu, mengakui beliau tidak arif untuk memperkatakan kepengarangan wanita dalam sastera Islam, selain berterus-terang dirinya kurang afdal, sebaliknya lebih memperkatakan watak wanita dalam karyanya.

"Saya datang dari dunia dan kehidupan bersalut bom mahupun gas. Menyaksikan wanita di sekeliling hanya dari dunia sundal. Saya diserang kerana menulis watak wanita yang gagal, tidak mendapat didikan agama dan sentiasa berhubung dengan dunia roman yang kacau," katanya pada forum di Dewan Bahasa



"Betapa jauh khayalan kita menyimpang, kita tidak boleh menyimpang daripada al-Quran dan hadis serta betapa indahnya bahasa, keindahannya tetap berada di bawah kebenaran serta bukannya mengatasi kebenaran itu.

"Islam tidak hanya kerohanian atau hal yang membabitkan pemakaian tudung, sebaliknya segala-gala dalam kehidupan hingga boleh memberikan manfaat kepada manusia dan berada di bawah panji Islam, itu lah yang dibenarkan dalam penulisan," ujarnya.

Beliau yakin bahawa penulisan perlu bergerak dalam bingkai al-Quran dan al-Sunnah selain ada batasan dalam kebebasan berkarya, sekali gus menjadikan falsafah penulis wanita Islam berdasarkan tasawur serta pandangan dunia mengikut Islam.

Meskipun falsafah kepengarangan jelas, Rasiah mengakui arah pengarang Muslimah sebaliknya, terutama membabitkan hubungan merentas sempadan negara sehingga penulis di Malaysia, Singapura, Indonesia, Brunei Darussalam dan Selatan Thai tidak mengenali antara satu sama lain.

"Banyak perkara yang perlu dilakukan pengarang Muslimah terutama dalam memperkuuhkan kerjasama dan jika langkah segera tidak diambil, kita hanya berbicara sebegini hanya sekali-sekala," katanya.

DARI kiri; A Samad, Hudan Hidayat dan Rasiah ketika melontarkan pandangan mengenai kepengarangan Muslimah Nusantara di DBP, baru-baru ini.

dan Pustaka (DBP), Kuala Lumpur, baru-baru ini,

Bagaimanapun, A Samad, berharap akan lahir novel besar bernafas wanita Islam setebal *Anugerah* karya Zaharah Nawawi, bahkan lebih tebal daripada karya Dr Fatimah Busu, *The Missing Piece* yang mampu menjadi budaya baru dalam bidang dakwah.

"Mereka akan mendapat suara yang lebih murni berbanding dalam dunia kuasa, manakala penulis seperti Dr Siti Zainon Ismail, Dr Zurinah Hassan, Zaharah dan Dr Fatimah akan menghasilkan karya yang sesuai dengan iklim dan realiti baru, sekali gus mengangkat sama dunia Islami," katanya pada forum yang dipengerusikan Pengerusi PKBM yang juga Sarjana

Tamu Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi (FBMK), Universiti Putra Malaysia (UPM), Datuk Dr Ahmad Kamal Abdullah.

Selain A Samad, pengkritik Indonesia, Hudan Hidayat juga tidak berjaya mencungkil falsafah kepengarangan Muslimah khususnya di Singapura, Rasiah Halil, tetapi dikekang oleh batasan waktu kesan atur cara majlis yang bertumpu pada acara baca dan analisis puisi, Syurga Kesembilan (Kemala).

Rasiah berkata, kepengarangan wanita Muslimah mesti berada di bawah nauangan-Qurandalan-Sunnah, manakala tonggak penulisan mereka perlu berdasarkan konsep kitab suci Islam itu termasuk menyuruh ke arah kebaikan dan mencegah kemungkaran.

“Betapa jauh khayalan kita menyimpang, kita tidak boleh menyimpang daripada al-Quran dan hadis”

Rasiah Halil
Pengarang Singapura